

## **BAB SATU**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Masalah perkauman di Malaysia merupakan antara masalah yang rumit khususnya apabila perkara ini melibatkan persoalan agama. Selain berfungsi sebagai keperluan kerohanian dan tuntutan batiniah, agama juga bertindak sebagai institusi sosial yang memainkan peranan penting kehidupan bermasyarakat. Berkait dengan konversi agama di Malaysia, arah aliran perkembangan agama Islam terlalu besar pengaruhnya ke atas komuniti Cina. Osman Chuah menyatakan komuniti ini merupakan kelompok yang terbesar melakukan konversi agama Islam di Malaysia.<sup>1</sup> Begitu juga dalam perkembangan syiar agama Islam di negeri Terengganu memperlihatkan situasi yang sama. Dengan demikian, berdasarkan pemeluk agama Islam di negeri Terengganu di antara tahun 1990 – 2011, seramai 523 komuniti Cina telah memeluk agama ini.<sup>2</sup> Biarpun begitu, konversi agama Islam membawaikan polemik baru seperti masalah

---

<sup>1</sup> Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University, (2008). 4.

<sup>2</sup> Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Terengganu, (2010).

perceraian, hak penjagaan anak, pengurusan jenazah dan konflik antara keluarga.<sup>3</sup> Menurut Rosey Ma, perihal yang berlaku dalam komuniti Cina Muslim (*Chinese Converts*) memaparkan pelbagai bentuk pengalaman kehidupan baru yang berlaku kepada penganutnya. Ia turut meliputi aspek-aspek yang melibatkan hubungan inter etnik dan intra etnik khususnya yang berkait dalam kehidupan sehari-hari.<sup>4</sup> Oleh itu, konversi agama Islam kerap kali memaparkan ketegangan yang berlaku di antara ‘pemeluk agama baru’, ‘ahli keluarga’ dan ‘komuniti Muslim’ asal di persekitaran. Ini bermakna, dilema yang dihadapi oleh sebuah negara multi etnik seperti isu-isu yang berkaitan konversi agama khususnya aspek yang berhubung dengan kehidupan sehari-hari boleh mengundang kepada variasi bentuk ancaman yang boleh mencetuskan kontroversi dan konflik. Bagi memastikan kemelut ini tidak berada pada tahap yang membimbangkan, amatlah wajar masalah perpaduan perlu segera diselesaikan dalam konteks yang lebih luas dan perlu melibatkan perkongsian kefahaman; dan perbezaan melalui jalinan dialog kehidupan pada peringkat akar umbi sama ada intra etnik atau inter etnik. Justeru, perbezaan-perbezaan yang timbul ini menjadikan ‘dialog kehidupan’ sebagai satu keperluan yang ‘inifaritif’ bagi mewujudkan semangat permuafakatan, integrasi nasional dan kesepakatan dalam membangunkan setiap komuniti masyarakat yang berbeza agama. Dalam kata lain, konsep dialog kehidupan akan mendukung aspirasi untuk memperkuuhkan hubungan antara agama bagi memastikan setiap

---

<sup>3</sup> Tengku Norhayati Tengku Hamzah “Saudara Baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran Di Kota Bharu, Kelantan.” (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2006), 168.

<sup>4</sup> Wang, Rosey Ma, “Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia”. *Asian Ethnicity Journal*. Vol. 6, No.2 (Jul 2005), 195-9.

masyarakat dapat menjalani kehidupan yang harmonis, saling menghargai dan saling memahami antara satu sama lain.

### **1.1 Penyataan Masalah**

Demografi penduduk di Malaysia yang memaparkan sebuah negara yang menghidangkan pelbagai bentuk budaya, agama, etnik dan bahasa sering kali diusik dengan salah faham yang tidak diduga. Kemelut dan salah faham antara kaum yang timbul di negara ini meliputi persoalan yang pelbagai dan rencam. Hakikat membuktikan bahawa setelah berakhirnya Perang Dunia Ke Dua, Malaysia berhadapan beberapa siri konflik antara kaum seperti di Batu Pahat (1945/46), Batu Malim, Raub (1946), Batu Kikir (1946), Pulau Pinang (Januari 1958), Pulau Pangkor (Mei 1959), Bukit Mertajam (1967) Kuala Lumpur (Mei 1969), Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998) dan Kampung Medan<sup>5</sup>, Kuala Lumpur (2001) adalah berpunca perbezaan nilai di antara kelompok etnik.<sup>6</sup> Selain itu cabar mencabar dalam agama melalui hujahan awam dan di mahkamah malahan senario keparahan secara nyata juga ditonjolkan dalam

---

<sup>5</sup> Peristiwa Kampung Medan merujuk kepada beberapa peristiwa pergaduhan antara India-Melayu yang berlaku di Kampung Medan dari 4 Mac hingga 8 Mac 2001 selama 5 hari. Peristiwa ini berlaku di beberapa kampung iaitu Kampung Medan, Kampung Gandhi, Kampung Lindungan, Kampung Datuk Harun, Taman Desa Ria dan sekitar Jalan Klang Lama. Sengketa ini merebak begitu cepat kerana kawasan ini merupakan kawasan setinggan berpuluhan-puluhan tahun tanpa pembelaan. Pergaduhan turut merebak ke Petaling Jaya, Jalan Gasing, Kelana Jaya, Sungai Way, Bandar Sunway dan Puchong. Pergaduhan antara dua kumpulan bermula di Kampung medan ekoran persediaan majlis perkahwinan dan majlis pengebumian. Majlis perkahwinan itu diadakan di sebuah rumah orang Melayu. Sementara jiran Indianya mengadakan majlis pengebumian. Penduduk berada dalam keadaan ketakutan terutama pada waktu malam. Masyarakat India berwaspada dan bersiap-sedia sekiranya penduduk Melayu datang menyerang mereka. Sebaliknya masyarakat Melayu di Kampung Medan sentiasa berkawal kalau-kalau samseng India datang untuk menyerang mereka. Mereka tidak takut akan jiran-jiran mereka kerana mereka telah saling kenal-mengenali hampir 3 dekad. Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, *Hubungan Etnik di Malaysia*, (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2007), 214-6.

<sup>6</sup> Syed Husin Ali, *Ethnic Relations In Malaysia Harmony & Conflict*. (Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre, 2008), 87.

aktiviti perkauman jalanan seperti peristiwa pelontaran anggota babi di masjid, perarakan kepala lembu serta pembakaran gereja dan surau amat menggerunkan masyarakat.<sup>7</sup> Sikap menuding jari ini dan tidak berhikmah dalam mencari solusi ini sebenarnya bertitik tolak daripada sikap kurang mengambil peduli dan memahami budaya dan agama masyarakat lain. Umumnya, permasalahan serius yang dimomokkan menggunakan isu agama ini adalah disebabkan pengabaian terhadap isu-isu yang berkaitan kehidupan sehari-hari antara kaum.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berhubung konflik sosial yang berlaku di Malaysia antara tahun 1996-2002 menunjukkan isu yang berhubung dengan perkauman merupakan isu yang tertinggi dengan jumlah 81 kes daripada 223 kes. Kebanyakan isu ini berlaku dalam kalangan remaja di sekolah-sekolah.<sup>8</sup> Ini bermakna, masalah yang berhubung dengan etnik dan agama ini berlaku di mana-mana dan tanpa mengira lingkungan umur. Hembusan konflik yang berbaur keagamaan ini juga berlaku di negeri Terengganu, Tan Chee Beng menyenaraikan beberapa pertembungan isu-isu yang berkaitan agama yang menimbulkan polemik dan rasa tidak puas hati dalam kalangan komuniti Cina. Antaranya ialah perbuatan remaja Melayu yang menceroboh dan mencuri peralatan yang digunakan di kuil Sam Poh Kong, kampung Tirok seperti pedang; perobohan kubur lama Cina oleh setinggan dari komuniti Melayu (1986), merosakkan patung singa

---

<sup>7</sup> Dawi, A. H., “Kepentingan Identiti dan Perjuangan Etnik”, dalam Masyarakat Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti*, Kuching, Sarawak, (23-24 November 2010).

<sup>8</sup> Mohd Farid Mohd Sharif, Mohd Nizam Mohd Sahad & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Respons Pelajar Terhadap Pluralisme Agama Dalam Konteks Masyarakat Plural Di Malaysia” *Seminar Pemikiran Islam III*, (2012), 118.

dan bunga lotus di perkuburan Cina (1987) dan mengecat kubur Cina dengan simbol parti PAS (1986). Fenomena ini menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan masyarakat Cina kerana tindakan sedemikian menggambarkan sikap kurang hormat dalam kalangan komuniti Melayu Muslim terhadap hak beragama masyarakat Cina.<sup>9</sup> Suasana di atas memperlihatkan simpton-simpton yang boleh membawa ketegangan antara agama dan kaum ini berlaku di mana-mana dan amat memerlukan kepada penyelesaian pada peringkat akar umbi. Sehubungan dengan itu Mansor menyatakan isu-isu etnik dan agama yang dicanangkan tanpa menoleh punca akar umbi memberi implikasi ke atas kumpulan sosial, etnik dan agama dalam masyarakat mempunyai tahap toleransi dan sensitiviti yang berbeza-beza.<sup>10</sup>

Termasuk dalam permasalahan yang melibat hubungan antara kaum dan agama ini ialah masalah konversi agama Islam. Suraya menyatakan komuniti yang melakukan konversi agama Islam berhadapan hubungan ‘tegang’ dalam keluarga dan masyarakat asal yang boleh menggugat keharmonian kaum.<sup>11</sup> Justeru itu Tinaz mendapati 29% daripada responden yang memeluk agama Islam menerima reaksi yang negatif dari kalangan keluarga.<sup>12</sup> Berkait dengan ini juga, Mansor menyatakan perbezaan budaya dan agama di antara kumpulan NGO sering memanaskan hubungan etnik di Malaysia kerana atau kononnya banyak isu lapuk tidak diselesaikan secara perundangan seperti kes murtad, perkahwinan di antara agama dengan kedudukan status anak bagi mereka yang

<sup>9</sup> Tan Chee Beng, Chinese Minority in a Malay State, 132-5.

<sup>10</sup> Mansor Mohd Noor, “Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara”. DEMOKRASI Vol. IX No. 2 (2010),186.

<sup>11</sup> Suraya Sintang, “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru”,(Tesis kedoktoran Universiti Malaya, 2012), 165.

<sup>12</sup> Tinaz, N., “Conversion of African Americans to Islam: A Sociological Analysis of the Nation of Islam And Associated Groups” (Tesis kedoktoran University of Warwick, 2001), 202.

baru memeluk dan yang keluar dari agama Islam.<sup>13</sup> Lantaran itu *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) dan badan-badan NGO bukan Muslim yang turut mempersoalkan serta mengapi-apikan isu pertukaran agama Islam dalam kalangan kaum bukan bumiputera. Rahimin menyatakan ia memberi perspektif yang buruk terhadap hubungan antara agama di Malaysia dan mengundang kepada konflik.<sup>14</sup> Beberapa contoh konversi agama yang akhirnya terpaksa melalui proses perundangan seperti kes perebutan jenazah Moorthy, Rayapan dan Nyonya Tahir.<sup>15</sup> Rasa tidak puas hati terhadap keputusan yang diisyiharkan oleh Mahkamah Syariah menyebabkan pihak keluarga bukan Muslim selanjutnya membuat notis rayuan di mahkamah Sivil.

Selain daripada itu, gejala murtad (keluar daripada agama Islam) merupakan isu yang menimbulkan rasa ketidakpuasan dalam kalangan komuniti bukan Muslim apabila

---

<sup>13</sup> Mansor Mohd Noor, “Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara”, 202.

<sup>14</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim et.al., “Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek Di Malaysia”. *Kajian Malaysia*, 29:2, (2011), 88.

<sup>15</sup> Dalam kes Moorthy, pihak keluarga si mati berhujah dengan bukti bahawa si mati sudah tidak lagi mengamalkan agama Islam malah si mati juga turut memakan babi sebelum kematiannya. Pihak JAWI pula berbuktikan bahawa kad pengenalan si mati masih lagi tertera perkataan Islam malah pendaftaran muallaf masih jelas membuktikan si mati masih dalam agama Islam dan tiada permohonan untuk keluar Islam dilakukan. Mahkamah Syariah mengesahkan status agamanya dan mayat Moorthy @ Mohammad diserahkan kepada JAIWP untuk disempurnakan. Bagi kes Rayappan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor memutuskan menyemak semula keputusan yang telah dibuatnya pada 1 Disember 2006 bahawa si mati adalah seorang Islam semasa kematiannya. Ini kerana, dikhaskan bahawa kad pengenalan si mati membawa nama bukan Muslim dan pihak peguam keluarga si mati mendakwa bahawa tiada perkataan Islam tertera dalam kad pengenalannya. Selain daripada itu, dikatakan bahawa si mati telah dibaptiskan semula masuk ke agama Kristian setelah meninggalkan isterinya yang beragama Islam sembilan tahun yang lalu. Malangnya, dokumen yang mengesahkan bahawa beliau masih seorang Islam hanya dikeluarkan oleh MAIS pada tahun 2005. Ini ditambah pula dengan gambar-gambar si mati yang sedang menjalani upacara sembahyang di gereja. Ini bererti terdapat percanggahan fakta, di pihak MAIS si mati masih seorang Islam dan di pihak keluarga si mati, si mati telah keluar dari agama Islam. Bagi kes Nyonya Tahir, Mahkamah Syariah membuat keputusan berdasarkan kepada bukti yang kukuh menunjukkan bahawa si mati adalah seorang beragama Buddha semasa kematiannya walaupun kad pengenalannya masih tertera perkataan Islam. Mohamed Azam Mohamed Adil, “Undang-Undang Atau Bidang Kuasa?”, *Utusan Malaysia*, 10 Dis 2006, 10.

kes ini dibicarakan di Mahkamah Syariah. Kerap kali keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah menimbulkan persepsi yang buruk dalam kalangan bukan Muslim terhadap hak kebebasan beragama di Malaysia. Sebagai contoh, kes kegagalan Lina Joy (nama Muslimnya ialah Azalina Jailani) untuk menggugurkan perkataan Islam pada kad pengenalannya menimbulkan rasa kegusaran dan tuduhan melulu kalangan bukan Muslim (termasuk badan NGO bukan Muslim) terhadap badan-badan yang memberi perlindungan terhadap komuniti Muslim. Dalam perihal ini Mahkamah Persekutuan menolak rayuan yang dilakukan Lina Joy untuk menghapuskan nama Islam dalam kad pengenalannya dengan alasan bidang kuasa bagi kes ini perlu didengar di Mahkamah Syariah.<sup>16</sup>

Isu murtad bukan hanya berlaku dalam kalangan komuniti asal Muslim sahaja, namun di sebalik isu yang dipaparkan di atas, hati kita pasti tersentak kerana timbul dalam kalangan Saudara Baru yang ingin kembali semula ke ajaran asal. Mahkamah Syariah Kuala Terengganu pada Oktober 2010 telah menangguhkan kes permohonan Mohamad Rajiman Chin dan Mohd Ramzan Manjasaran untuk keluar Islam.<sup>17</sup> Isu murtad merupakan perkara yang cukup sensitif kepada masyarakat Muslim, pengalaman ‘Rusuhan Natrah’<sup>18</sup> menggambarkan betapa masyarakat Muslim memandang berat kes-

---

<sup>16</sup> Kortteinen, T., “Islamic Resurgence and the Ethnicization of the Malaysian State: The Case of Lina Joy”. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, Vol. 23, No. 2 (2008), 217.

<sup>17</sup> Fauzi Mohd, “Bantu Elak Murtad”, *Utusan Malaysia*, 4 Okt 2010, 12.

<sup>18</sup> ‘Rusuhan Natrah’ berlaku pada 12 Disember 1950 akibat mahkamah di Singapura menyerah Natrah yang sudah diislamkan kepada ibu bapanya di Belanda, dan seterusnya dikembalikan kepada agama asalnya Kristian. Keputusan ini mengecewakan masyarakat Muslim di Singapura dan Tanah Melayu apabila Natrah akan dimurtadkan. Seramai 18 orang terbunuh manakala 173 orang cedera ketika bertempur dengan tentera dan pihak polis British. Selain daripada itu, warga British di Singapura telah diserang, bangunan dan kereta berhampiran padang berhampiran mahkamah telah dibakar.

kes yang melibatkan agama Islam yang akhirnya dimanifestasikan melalui protes yang mengakibatkan pertumpahan berdarah.

Selanjutnya, konversi agama memaparkan hubungan inter dan intra yang diwarnai pelbagai bentuk konflik, pergolakan dan rasa tidak puas hati. Nuraisyah menyenaraikan isu-isu menimbulkan pergolakan antara Saudara Baru dan ahli keluarga bukan Muslim dan komuniti Muslim setempat antaranya isu tentang penamaan baru, konflik budaya dan Sambutan Tahun Baru Cina, adat dan budaya Melayu, penghayatan agama Islam, bahasa Melayu, murtad dan dipandang serong oleh masyarakat Muslim setempat.<sup>19</sup> Osman Chuah menyatakan Saudara Baru berhadapan hubungan tegang dengan keluarga bukan Muslim yang akhirnya mengakibatkan putusnya hubungan, pemulauan, diberi gelaran buruk, perceraian dan perebutan hak penjagaan anak.<sup>20</sup> Keskes perceraian, tidak dipedulikan oleh suami dan isu poligami yang berlaku dalam kalangan Saudara Baru di negeri Terengganu memberi persepsi yang buruk terhadap ahli keluarga bukan Muslim.<sup>21</sup> Keadaan ini selanjutnya mengheret permasalahan yang berlaku kepada konflik tiga serangkai.

Di sisi masyarakat Melayu, komuniti Cina Muslim juga dipandang rendah dengan diberi gelaran yang tertentu seperti Saudara Baru, masuk Melayu *mualaf* dan

---

<sup>19</sup> Nuraisyah Chua Abdullah, *Kisah Saya Saudara Baru*, (Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd, 2005), 28. Juga lihat dalam Wang, Rosey Ma, “Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia”, 195-9 dan Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*, 69-73.

<sup>20</sup> Osman Chuah, *Preaching To The Non-Muslim Chinese In Malaysia*, (Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University, 2005), 54-60.

<sup>21</sup> Zheng Yunus Ma Abdullah, “Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam”, (Tesis sarjana Universiti Malaya, 2001) 87.

Muslim kelas kedua.<sup>22</sup> Sebahagian daripada masyarakat yang melakukan konversi agama juga merasa tidak selesa tinggal dengan keluarga asal yang bukan Muslim dan mengambil keputusan untuk tinggal dengan keluarga angkat Melayu Muslim.<sup>23</sup> Kerapuhan hubungan dan pandangan serong ini kadang kalanya berpunca dari sikap Saudara Baru sendiri apabila komuniti ini mengamalkan cara hidup bukan Muslim seperti minum arak, mengandung anak luar nikah dan berzina sekali gus menimbulkan persepsi yang salah terhadap masyarakat Muslim di sekeliling.<sup>24</sup> Ini bermakna permasalahan yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Cina Muslim adalah bukan hanya berlegar pada persoalan budaya hidup sehari-hari sahaja tetapi termasuk persoalan amalan agama. Dalam konteks konversi agama Islam di negeri Terengganu, Pengurus Persatuan Islam Saudara Baru Terengganu (PISBT), Mohd Jaafar Ng Abdullah menyatakan bahawa amat menyedihkan apabila seorang Saudara Baru Cina terpaksa bekerja sebagai tukang masak yang menyediakan hidangan Bak Kut Teh atau makanan berteraskan daging babi di sebuah restoran di Kuala Terengganu kerana tiada pilihan lain bagi meneruskan kelangsungan hidupnya.<sup>25</sup> Boleh dikatakan bahawa permasalahan yang berlaku dalam kehidupan Saudara Baru khusus komuniti Cina adalah bertitik tolak daripada kegagalan interaksi dengan masyarakat sekeliling. Natijahnya, konversi agama memperlihatkan wujudnya konflik interaksi yang melibatkan ‘hubungan

---

<sup>22</sup> Wang, Rosey Ma, “Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia”, 199.

<sup>23</sup> Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri, *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*, 61.

<sup>24</sup> Shakirah Mohd Anuar (2002) “Pemahaman Islam Di Kalangan Saudara Kita di Negeri Pulau Pinang”, (Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 151.

<sup>25</sup> “Kongsi Kisah Saudara Baru”, *Harian Metro*, 4 Ogos 2011, 13.

antara etnik,<sup>26</sup> dan ‘hubungan sesama etnik’ yang berpunca kerana kurang memahami agama dan budaya masyarakat lain. Permasalahan yang berlegar menyentuh konversi agama kadang kala mencetuskan pergolakan yang sengit dan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Justeru, selagi permasalahan ini tidak dirungkaikan dan diselesaikan dengan bijak, kita berkemungkinan berhadapan dengan rentetan masalah yang lebih buruk.

Ternyata isu yang berkaitan konversi agama dianggap isu yang sangat sensitif yang akan membukukan perasaan tidak puas hati dan; boleh membangkitkan kemarahan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Seandainya permasalahan yang berkisar konflik antara agama ini tidak ditangani dengan baik pastinya ia akan membawa ketegangan yang memuncak di antara kaum di Malaysia. Sekali gus ia akan mengulangi detik-detik hitam yang melakarkan sejarah hubungan antara kaum di Malaysia. Mengambil kira permasalahan yang berlaku yang melangkaui agama dan budaya, hubungan yang berteraskan dialog kehidupan wajar disuburkan khususnya apabila masyarakat multietnik berkongsi tempat tinggal, pendidikan dan pekerjaan. Kajian-kajian lepas yang

---

<sup>26</sup> Forum Memeluk Islam merupakan isu-isu yang berkisar dalam permasalahan yang timbul kerana kes konversi agama. Forum ini dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia pada hari Sabtu 9 Ogos 2008. 3 wakil keluarga bukan Islam menceritakan penderitaan mereka apabila suami mereka memeluk Islam dan keluarga mereka diabaikan. Lanjutan daripada itu berlaku konflik hak penjagaan anak dan perebutan jenazah. Objektif Majlis Peguam ialah untuk menyelesaikan permasalahan dihadapi seperti 3 keluarga yang terperangkap antara pemisahan bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah Syariah. Manakala bagi Persatuan Peguam Syariah Malaysia (PGSM) melihat forum ini mencemar kesucian Perlembagaan Persekutuan yang memberi keistimewaan kepada agama Islam. Kemuncak ketegangan, dua bom api telah dilontar ke rumah banglo Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil di Jalan Setia Kasih, Bukit Damansara jam 3 pagi oleh dua lelaki bermotosikal . Motifnya dijangka ditujukan kepada Ambiga Subramaniam kerana banglo itu asalnya kepunyaan beliau tetapi dijual kepada Shahrizat pada 2005. Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam mencadangkan tindakan ISA diambil terhadap Majlis Peguam memandangkan isu-isu ini boleh membawa kepada rusuhan kaum. Dicapai pada 20 Oktober 2011, (<http://bernama.com/bernama/>).

memperlihatkan bahawa komuniti Saudara Baru khususnya dalam komuniti Cina melalui kesukaran hidup yang pelbagai. Cabaran ini berpunca daripada kegagalan masyarakat yang berbeza agama dan budaya memahami perbezaan hidup yang wujud dalam komuniti yang lain. Melihat atas permasalahan ini juga, pendekatan dialog kehidupan secara berhikmah perlu diketengahkan ke akar umbi bagi merungkai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Cina Muslim. Justeru, dialog kehidupan yang berhikmah dengan mempamerkan contoh tauladan yang baik dalam isu-isu seharian dapat menyuburkan toleransi beragama dalam kehidupan beragama di negeri Terengganu Darul Iman.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut :

- i. Apakah persepsi masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu dalam dialog kehidupan pada sebelum dan selepas konversi agama.
- ii. Adakah aplikasi dialog kehidupan berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Muslim sebelum dan setelah mereka melakukan konversi agama.
- iii. Apakah faktor-faktor yang mendorong masyarakat Cina Muslim terlibat dengan dialog kehidupan.
- iv. Apakah cabaran masyarakat Cina Muslim dalam dialog kehidupan pada sebelum dan selepas memeluk agama Islam.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan :-

- i. Mengkaji persepsi masyarakat Cina Muslim di Terengganu terhadap pengalaman dialog kehidupan pada sebelum dan selepas konversi.
- ii. Menganalisis aplikasi pengalaman masyarakat Cina Muslim dalam dialog kehidupan pada sebelum dan selepas konversi agama.
- iii. Mengemukakan faktor-faktor keterlibatan dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti Cina Muslim dalam dialog kehidupan pada sebelum dan selepas konversi agama.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting dilakukan bagi merungkai permasalahan yang dihadapi oleh kebanyakan Saudara Baru yang menghadapi masalah kehidupan dengan keluarga asal dan keluarga baru. Perihal ini perlu didedahkan dengan memperlihatkan pentingnya dialog kehidupan diaplikasikan mengikut syariat agama Islam agar kehidupan Saudara Baru lebih terjaga. Melalui pendekatan ini diharapkan masyarakat Terengganu dapat hidup secara harmoni yang mana ianya akan menjadi cerminan dan terjemahan pada generasi dan masyarakat pada dekad-dekad yang mendatang. Selanjutnya, ia boleh dijadikan panduan kepada pihak kerajaan, badan-badan NGO dan masyarakat memperkuuhkan lagi keharmonian agama dalam kalangan masyarakat Malaysia umumnya dan Terengganu khususnya melalui pendekatan dialog kehidupan.

## **1.5 Skop Kajian**

Batasan kajian meliputi masyarakat Cina yang telah menganut Islam di Negeri Terengganu. Kajian ini hanya melibatkan masyarakat Cina di Negeri Terengganu, namun sifatnya adalah lebih mendalam dan boleh menjadi rujukan kepada kajian-kajian kes di tempat yang lain khususnya di Malaysia. Walaupun masyarakat Cina Terengganu berjumlah 2.7 % daripada penduduk negeri Terengganu, andaian dapatan kajian akan berbeza dengan dapatan di negeri yang mempunyai jumlah yang ramai dengan masyarakat Cina. Proses dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim negeri Terengganu agak mudah berlaku kerana masyarakat induknya bersatu padu dalam banyak hal dan telah melalui proses akulturasi.<sup>27</sup>

Biarpun masyarakat Cina di negeri Terengganu meliputi jumlah penduduk yang agak kecil, namun begitu mereka mempunyai pengaruh yang kuat ke atas masyarakat setempat memandangkan sebahagian besar daripada mereka menjadi nadir kepada kegiatan ekonomi negeri Terengganu<sup>28</sup>. Konversi masyarakat Cina kepada Islam semestinya memberi impak yang baik kepada ekonomi masyarakat Muslim yang lain seandainya berlaku hubungan harmoni di antara dua etnik yang berbeza tetapi memiliki kepercayaan yang sama. Dalam masa yang sama pengkaji juga mendapati bahawa masih belum ada kajian yang dilakukan tentang dialog kehidupan di antara masyarakat pelbagai etnik atau agama di negeri Terengganu. Oleh itu dapatan kajian boleh menjadi ukuran dan rujukan kepada kajian-kajian yang berkaitan seterusnya di tempat yang lain.

---

<sup>27</sup> A. Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia*. Ampang: Dawama Sdn Bhd. 157.

<sup>28</sup> “Ethnic Profile”, dicapai pada 11 November 2012, <http://tourism.terengganu.gov.my>.

Selain itu, batasan kajian yang dilakukan adalah menyentuh tentang pengetahuan, sikap, aplikasi, faktor dan cabaran yang dilalui oleh komuniti Cina Muslim dalam dialog kehidupan. Justeru itu perbincangan dibahagikan kepada dua peringkat iaitu pengalaman dialog sebelum konversi agama dan pengalaman dialog selepas konversi. Selain daripada itu data yang diperoleh ditentukan mengikut tema dan dianalisis mengikut teori yang dijelaskan dalam kajian literatur.

### **1.5.1 Justifikasi Kuala Terengganu Sebagai Pusat Kajian**

Kajian juga meliputi masyarakat Cina yang memeluk Islam dari tahun 1990-2011 di negeri Terengganu dengan andaian bahawa tempoh pemelukan agama Islam menyumbang kepada berlaku dialog kehidupan. Tumpuan yang lebih diberikan di daerah Kuala Terengganu kerana alasan-alasan berikut :-

- i. Kuala Terengganu merupakan pusat pentadbiran dan perniagaan negeri Terengganu dan dalam masa yang sama majoriti masyarakat Cina tinggal di daerah ini. Saban tahun, sebagaimana yang direkodkan oleh JHEAT, jumlah penganut Islam yang baru, majoritinya datangnya dari daerah Kuala Terengganu.
- ii. Hampir sebahagian daripada masyarakat Cina negeri Terengganu tinggal di daerah Kuala Terengganu yang terdiri daripada pelbagai suku, latar belakang pendidikan dan sosio-ekonomi. Justeru itu, pengkaji berpendapat, dapatan kajian yang diwakili dari pelbagai suku seperti Hokkien, Hainan, Kantonis dan sebagainya yang tinggal di Kuala Terengganu mewakili masyarakat Cina Terengganu.

- iii. Dalam masa yang sama, masyarakat Cina di daerah Kuala Terengganu juga terdiri daripada komuniti Cina yang berhijrah dari daerah-daerah lain di Terengganu. Secara tidak langsung responden yang terlibat menggambarkan pengalaman hidup mereka di daerah asal dan dari suku-suku yang dinyatakan. Lantaran itu juga responden yang mempunyai persekitaran dan latar budaya hidup yang berbeza mewakili seluruh pandangan masyarakat Cina negeri Terengganu.
- iv. Selain daripada itu juga di Kuala Terengganu, terdapat beberapa pusat kebajikan dan badan-badan dakwah NGO yang menguruskan kebajikan Saudara Baru. Antaranya Kompleks Darul Hidayah yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Adat Istiadat Negeri Terengganu (MAIDAM) di Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Persatuan Darul Fitrah dan *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) cawangan Terengganu yang terletak di Kampung Bukit Besar, Kuala Terengganu. Manakala Persatuan Kebajikan Saudara Baru Malaysia terletak di kampung Bukit Kecil, Kuala Terengganu. Secara umumnya badan-badan ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk memberi panduan asas tentang pendidikan agama Islam dan latihan-latihan yang tertentu kepada Saudara Baru bagi menjalani hidup sebagai seorang Muslim. Ia juga berfungsi sebagai pusat aktiviti dan pertemuan golongan Saudara Baru termasuk Cina Muslim berinteraksi dengan rakan-rakan lain.

## 1.6 Sorotan Literatur

Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap penulisan yang lepas, didapati terdapat beberapa tulisan yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Secara umumnya kajian-

kajian tersebut meliputi aspek yang menyentuh tentang dialog, konversi agama dan masyarakat Cina Muslim di Malaysia.

Fatmir<sup>29</sup> dalam tesis PhDnya melihat sejarah dan perkembangan dialog antara agama dalam dunia Kristian dan Islam. Beliau mendapati Deklarasi Hubungan Kristian dan Bukan Kristian yang diisytiharkan pada 28 Oktober 1965 yang juga dikenali sebagai *Nostra Aetate* menjadi titik tolak masyarakat Kristian melakukan hubungan baik dengan komuniti bukan Kristian. Selain itu, Fatmir menyatakan bahawa dalil-dalil dari al-Quran dan Sunnah Rasulullah memberi penjelasan bahawa pelbagai elemen hubungan antara agama diberi perhatian oleh Islam antaranya persoalan yang menyentuh tentang aspek toleransi terhadap bukan Muslim, menjalankan kerjasama, kebebasan membuat pilihan, keadilan, memupuk sikap saling hormat menghormati dan memahami agama masyarakat yang lain. Menurut Fatmir lagi, sebagai mekanisme memupuk perpaduan melalui kaedah interaksi, *hiwar* atau *jidal* ini, maka pelaksanaan disiplin dialog seharusnya memberi manfaat kepada masyarakat berbilang agama. Justeru sebagai satu aspek ilmu perbandingan agama, dialog perlulah dilihat dalam konteks ciri-ciri falsafah keagamaan bukannya simbol keagamaan. Boleh dikatakan kajian Fatmir ini dianggap perintis terhadap metode historis terhadap dialog antara agama pada peringkat yang tinggi di Malaysia. Biarpun begitu, kajian yang dilakukan oleh Fatmir hanya membicarakan senario dialog antara agama yang berlaku dalam dunia Kristian dan Islam.

---

<sup>29</sup> Fatmir Mehdi Shehu “Nostra Aetate and Inter Religion Dialogue; An Islamic Perspective”, (Tesis kedoktoran IIUM, 2007).

Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Shauki Abd Majid<sup>30</sup> yang mengetengahkan pemikiran Alwi Shihab dalam perkara yang menyentuh tentang toleransi dan pluralisme sebagai landasan dialog, pentafsiran baru kitab suci, tragedi Damsyiq dan insiden Situbondo, radikal agama dalam politik, dakwah dalam kalangan masyarakat majmuk, titik pertemuan antara Islam dan Kristian, masa depan hubungan Kristian dan Islam; dan metodologi arus membendung Kristianisasi. Kajian perpustakaan Mohd Shauki melihat dialog dari aspek peradaban dalam konteks hubungan yang berlaku antara masyarakat Islam-Kristian di Indonesia. Manakala kajian yang dilakukan oleh Nadia Dastgill<sup>31</sup> pula menjelaskan bahawa keamanan antara Islam dan Barat hanya boleh dicapai dengan mengaktifkan dialog memandangkan wujudnya perbezaan peradaban. Nadia juga menyatakan antara halangan yang timbul dalam merealisasikan dialog ialah wujudnya kumpulan minoriti yang berpengaruh, timbulnya teori kerukunan (sebagai contoh timbul andaian bahawa dialog antara peradaban atau agama bercanggah dengan nilai agama) kurangnya ilmu tentang Islam yang menyebabkan berlakunya salah tafsir Barat terhadap Islam, tabo (takut murtad dan menipiskan iman) perasaan bimbang, malu, halangan politik, anggapan mengunjungi pusat agama membawa sial, prejudis dan tidak selesa dengan rakan dialog. Menyentuh hubungan etnik yang dilihat dari perspektif budaya yang pelbagai pula, Badrul Hisham Ithnin<sup>32</sup> dalam kajiannya “Potensi Dan Halangan Dalam Dialog Peradaban: Satu Kajian Tentang Hubungan Semasa Islam Dan Barat” menjelaskan bahawa antara punca konflik

<sup>30</sup> Mohd Shauki Bin Abd Majid, “Kepentingan Dialog Peradaban Islam-Kristian: Satu Kajian Berdasarkan Pemikiran Alwi Shihab” (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2001).

<sup>31</sup> Nadia Bt Dastgill, “Keamanan Dalam Dialog Peradaban: Satu Kajian Tentang Hubungan Semasa Islam Dengan Barat”. (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2007).

<sup>32</sup> Badrul Hisham Ithnin, “Potensi Dan halangan Dalam Dialog Peradaban: Satu Kajian Tentang Hubungan Semasa Islam Dan Barat”, (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2004)

tersebut ialah persepsi buruk terhadap agama Islam, jenayah akademik Barat terhadap Islam dan masalah yang berlaku di ‘Dunia Islam’ khususnya di Palestin dan Afghanistan menimbulkan kemarahan umat Islam. Boleh dinyatakan bahawa tesis yang dilakukan oleh Mohd Shauki Abd Majid, Nadia Dastgill dan Badrul Hisham lebih membicarakan teori tentang hubungan yang berlaku dalam arena yang melibatkan masyarakat antarabangsa. Walau bagaimanapun tumpuan kajian memaparkan dialog dalam konteks peradaban yang beraneka khususnya antara Islam, Kristian dan Barat. Walaupun kajian ini memberi fokus kepada dialog peradaban sebagai terma, hasil kajian yang diperolehi dapat membantu pembentukan landasan teori yang dilakukan oleh pengkaji. Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Khairulnizam Mat Karim<sup>33</sup> pula membahaskan peranan badan-badan NGO dan Pusat Dialog Peradaban dalam arena dialog agama di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa penglibatan organisasi Islam dan masyarakat Muslim dalam dialog di Malaysia masih berada dalam tahap yang rendah. Justeru, dialog harus diberi perhatian yang sewajarnya dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Biarpun begitu kajian yang dilakukan oleh Khairulnizam masih mengetengahkan dalam konteks hubungan antara agama yang berlaku dalam golongan profesional agama dan ahli akademik. Secara keseluruhannya, kajian di atas melihat pola hubungan yang berlaku dalam dimensi peradaban melainkan kajian yang dilakukan oleh Fatmir yang masih berada dalam perbincangan skop dialog agama. Selain daripada itu, kajian-kajian perpustakaan di atas membicarakan interaksi yang bersifat struktural yang tidak melibatkan masyarakat secara menyeluruh.

---

<sup>33</sup> Khairulnizam bin Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Agama di Malaysia : Kajian terhadap Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF) Dan Pusat Dialog Peradapan”, (Disertasi sarjana Universiti Malaya, 2005).

Seterusnya, tesis PhD Suraya Sintang<sup>34</sup> memberi tumpuan terhadap interaksi secara ‘spontan’, ‘tidak formal’ dan bersifat ‘perkongsian’ yang mengandungi unsur-unsur agama dan berlaku dalam kehidupan sehari-hari komuniti Saudara Baru di Sabah. Perkongsian aktiviti keagamaan yang aktiviti sehari-hari yang dirujuk sebagai ‘dialog kehidupan’ ini memperlihatkan proses akulterasi, akomodasi dan asimilasi yang agak mudah berlaku dalam kalangan etnik Sabah menyumbangkan kepada penglibatan masyarakat pelbagai etnik dalam skala yang tinggi. Kajian beliau ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang memaparkan fenomena hubungan antara agama yang berlaku dalam kalangan komuniti Saudara Baru pada sebelum dan selepas konversi agama Islam. Suraya juga mendapati hubungan Saudara Baru selepas konversi agama di Sabah berlaku dalam empat keadaan iaitu tegang, neutral, akomodasi dan saling menyokong. Beliau menyatakan bahawa unsur-unsur perkongsian dalam bahasa, budaya, menjalankan kegiatan ekonomi, perkahwinan campur, pergaulan dan berkongsi masalah menjadikan masyarakat Sabah mudah berkompromi; dan bersikap akomodasi terhadap perbezaan yang walaupun menganut agama yang berbeza. Walaupun kajian tentang dialog kehidupan telah dilakukan oleh Suraya, namun suasana sebagai mana yang dijelaskan di atas mencerminkan hubungan antara agama yang berlaku di Sabah berada dalam kelas yang tersendiri. Biar pun begitu, kajian yang dilakukan oleh Suraya ini merupakan usaha-usaha awal bagi melihat aplikasi dialog kehidupan dalam kalangan masyarakat yang pelbagai agama. Dalam konteks hubungan

---

<sup>34</sup> Suraya Sintang, “Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru”,(Tesis kedoktoran Universiti Malaya, 2012).

agama yang berlaku antara komuniti Cina dan Melayu di Semenanjung, Osman Chuah menjelaskan fenomena yang sebaliknya dengan menyatakan sebagaimana berikut:

*'it is hard to find a Chinese who would go to the mosque and a Malay would go to the temple. Similarly, the Chinese value system is different from that of the Malays. A Chinese would often speak of Confucius and his teachings but the Malays would frequently discuss the life and teaching of Prophet Muhammad. The Malays would not worship idols like Chinese. Pork is taboo to Malays, but for the Chinese, it is their traditional food. The Chinese also worship their ancestors as an expression of filial piety but the Malays respect their parent as a teaching from the Quran'.<sup>35</sup>*

Mengupas lebih lanjut, Wan Norhasniah<sup>36</sup> dalam tesis PhDnya yang bertajuk "Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina di Malaysia: Perspektif Peradaban" menjelaskan tentang hubungan masyarakat Melayu dan komuniti Cina yang berlaku di Malaysia. Beliau menjelaskan bahawa nilai induk masyarakat Melayu berasaskan budi Islam yang melahirkan tolak ansur dan tolong menolong demi mencapai keamanan manakala nilai induk bagi masyarakat Cina berasaskan kepada *filial piety* yang melahirkan nilai keCinaan yang tegar, semangat kepuakan yang kental dan sikap pragmatis dalam mencapai satu komuniti yang unggul. Biarpun begitu Wan Norhanisah hanya memberi fokus terhadap relevansi pembentukan norma kehidupan masyarakat Melayu dan komuniti Cina berasaskan kepada konseptual. Ini bermakna, terdapat nilai yang berbeza dalam menentukan tingkah laku sesebuah bangsa.

---

<sup>35</sup> Osman Chuah, *Preaching To The Non-Muslim Chinese In Malaysia*, 23.

<sup>36</sup> Wan Norhasniah Hj Wan Husin, "Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina di Malaysia : Perspektif Peradaban", (Tesis kedoktoran Universiti Malaya, 2010).

Hakikatnya, penggunaan istilah dialog kehidupan atau ‘*dialogues of life*’ tidak banyak dibicarakan oleh para pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Antara pengkaji yang mengetengahkan isu ini ialah Carten<sup>37</sup> mendapati masyarakat Jepun yang beragama Syinto dan Buddha agak mudah memberi pertolongan kepada masyarakat Kristian dalam persiapan menyambut perayaan Krismas. Kajian observasi beliau ini menjelaskan bahawa sikap keterbukaan masyarakat Jepun menjadi salah satu faktor penglibatan mereka dalam dialog kehidupan sehari-hari sangat tinggi. Samwini<sup>38</sup> menjelaskan bahawa perkongsian masyarakat pelbagai agama dalam dialog kehidupan dapat diperhatikan dalam pelbagai aktiviti seperti meraikan sambutan perayaan, menziarahi jiran tetangga yang berlainan agama, meraikan sambutan hari kelahiran bayi dan berkongsi kesedihan apabila berlakunya kematian. Wan Ariffin Wan Yon, et al.<sup>39</sup> mendapati bahawa tahap penglibatan masyarakat Kristian dan Islam di Tebedu, Sarawak cukup tinggi walaupun mereka kurang memahami konsep dialog kehidupan. Kajian di atas menjelaskan bahawa penglibatan sarjana dalam penyelidikan tentang dialog kehidupan sehari-hari masih kurang. Manakala kajian yang dilakukan di Malaysia agak baru yang hanya memberi tumpuan kepada kelompok-kelompok atau lokasi-lokasi yang tertentu sahaja. Ini disebabkan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat menjadikan dialog sebagai satu mekanisme yang perlu diketengahkan dalam kehidupan sehari-hari.

---

<sup>37</sup> Carten, J., *Dialogue Of Life Encountering Buddhism And Shintoism In Japan*. Scarboro Missions. (September 2002), 8-9.

<sup>38</sup> Samwini, N.I, “The Need for and Importance of Dialogue of Life in Community Building: The Case of Selected West African Nations. A forum for academic, social, and timely issues affecting religious communities around the world” dicapai 10 November 2011, [www.irdialogue.org/submissions](http://www.irdialogue.org/submissions).

<sup>39</sup> Wan Ariffin Wan Yon et al., “Bridging The Muslim – Christian Relations Through Dialogue of Life: Muslim Perspective”. *International Conference on Social Science and Humanity*. (2011)

Selanjutnya, beberapa kajian yang bersangkutan dengan dialog yang membicarakan hubungan yang berlaku di antara masyarakat Islam dan Kristian misalnya kajian Swidler dalam tulisannya ‘*Muslims In Dialogue: The Evolution of A Dialogue*’<sup>40</sup> menjelaskan bahawa faktor hubungan yang berlaku antara Muslim dan Barat adalah kerana kepentingan sosio-ekonomi dan politik manakala bagi masyarakat Kristian khususnya yang bermazhab Katolik melihat hubungan wajar dilakukan melalui pendekatan dialog. Hossein Nasr<sup>41</sup> pula dalam tulisannya ‘*Islamic-Christian Dialogue: Problems And Obstacles To Be Pondered And Overcome*’, menjelaskan empat cabaran yang wujud dalam dialog Islam dan Kristian iaitu masalah yang berkaitan teologi, kebebasan beragama, aktiviti penyebaran agama dan; isu modenisme dan sekularisme. Goddard<sup>42</sup> menjelaskan tentang hubungan Islam dan Kristian pada masa lepas dan semasa dengan menyatakan dialog sebagai satu wahana yang boleh mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Keely<sup>43</sup> menjelaskan bahawa penglibatan golongan politik dan masyarakat dalam dialog boleh membantu merangsang dialog antara masyarakat Kristian dan Islam. Berdasarkan kajian-kajian di atas, dapat dinyatakan bahawa kajian tentang dialog agama khususnya dalam konteks hubungan Islam dan Kristian telah dibicarakan dalam kalangan sarjana Islam dan Kristian. Pengalaman konflik yang berlaku antara umat Islam dan Kristian menyebabkan para sarjana melihat dialog antara Islam dan Kristian dilakukan bagi memupuk semula

---

<sup>40</sup> Swidler, L., *Muslims In Dialogue: The Evolution of A Dialogue*, (Lewiston: Edwin Mellen Press, 1991)

<sup>41</sup> Seyyed Hossein Nasr, “*Islamic-Christian Dialogue: Problems And Obstacles To Be Pondered And Overcome*”. *Islam and Christian Relations Journal*, Vol. 11, No 2 (July 2000).

<sup>42</sup> Goddard, H., *Christian-Muslims Relations Exampsels of Conflict and Collaboration in Dialogue of Civilisations and The Conctruction of Peace*, ed. Thomas W. Simon and Azizan Baharuddin, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2008).

<sup>43</sup> Keely, A.A., “Beginning Christian-Muslim Dialogue in Western Sydney: Context And Practise”, *Islam and Muslim Relations*, 17 : 4, (2006).

persefahaman dan keharmonian hidup. Namun begitu kajian yang dilakukan di atas merupakan kajian dialog agama yang berlangsung dalam bentuk formal khususnya apabila ia melibatkan ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Selain daripada itu juga terdapat kajian-kajian yang melihat dialog agama sebagai satu wahana memupuk keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai anutan agama misalnya kajian yang dilakukan oleh Nadira, et.al.<sup>44</sup> menjelaskan bahawa pengalaman agama yang berlaku dalam konteks hubungan agama tidak banyak didokumenkan sedangkan dialog antara agama mendapat perhatian dalam kalangan sarjana dan masyarakat yang cintakan kedamaian. Smith<sup>45</sup> dalam tulisannya “*Muslims, Christians and the Challenge of Interfaith Dialogue*”, menjelaskan tentang hubungan agama yang berlaku dalam bentuk pengaruh, kerjasama dan konflik. Manakala kajian Tyagananda<sup>46</sup> yang menulis tentang “*Doing Dialogue Interreligiously*” menjelaskan bahawa kejayaan sesuatu dialog dilangsungkan bergantung sejauhmana para peserta mematuhi prinsip dan adab semasa berdialog. Jelasnya kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana di atas memberi penekanan terhadap aspek-aspek yang khusus dalam dialog antara agama. Kajian di atas menggambarkan bahawa dialog antara agama masih memerlukan ruang yang luas dan jelas untuk berkembang; dan mendapat tempat dalam semua lapisan masyarakat.

---

<sup>44</sup> Nadira et. al. *Interpreting The Experiences of Christians, Muslims and Jews Engaged, Interreligious Dialogue: A Collaborative Research Study* in Religious Education. USA: National Louis University. V. 96 No.3, (2001).

<sup>45</sup> Smith, J.I., *Muslims, Christians and The Challenge of Interfaith Dialogue*, (London: Oxford University Press, 2007).

<sup>46</sup> Tyagananda, S., “*Doing Dialogue Interreligiously*”. *Dialog: A Journal of Theology*. Volume 50, Number 3 (September 2011).

Ramli Awang<sup>47</sup> menjelaskan tentang konsep dialog menurut al-Quran, budaya dan contoh dialog yang diaplikasikan oleh Rasulullah serta dialog al-Quran terhadap agama selain daripada Islam. Tantawi<sup>48</sup> pula menjelaskan tentang etika dan prinsip dialog yang diketengahkan oleh ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Ismail al-Faruqi<sup>49</sup> dalam buku beliau, “*Islam Dan Kepercayaan Lain*” (Terjemahan) menjelaskan secara terperinci hubungan dan pengalaman dialog antara Islam dan Kristian. Ismail Al-Faruqi merupakan tokoh Islam moden yang mengetengahkan model dan dasar-dasar asas disiplin dialog agama mengikut kerangka Islam. Biarpun begitu, perbincangan masih tertumpu terhadap teori-teori asas dalam dialog dengan disesuaikan mengikut kaca mata Islam. Oleh kerana disiplin ilmu ini masih dianggap belum matang di Malaysia, kajian tentang dialog keagamaan di Malaysia memerlukan tempoh yang tertentu untuk berdiri dengan sendiri. Ini disokong dengan kenyataan Azizan Baharuddin yang menjelaskan bahawa ilmu tentang dialog merupakan suatu ilmu yang baru di Timur, manakala di Malaysia pendedahan secara ilmiah perlu berlaku agar penilaian yang tepat dapat meneruskan kelangsungan dengan realistik dan muhibah.<sup>50</sup>

---

<sup>47</sup> Ramli Awang, *Dialog antara Agama Dari Perspektif Al-Quran* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).

<sup>48</sup> Tantawi, Muhammad Sayid, *Adab Dialog Dalam Islam*, terj. Mohd Noor Mamat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, 2008).

<sup>49</sup> Ismail Al-Faruqi, *Islam Dan Kepercayaan Lain*. Ter. Zulkiplee Abd Ghani, (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara. 2008).

<sup>50</sup> Azizan Baharuddin, Dialog Peradaban: Perspektif Global dan Lokal, dalam *Dialog Peradaban Peranan Dan Kepentingannya di Malaysia*, ed. Azizan et al., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005), 19.

Pengkaji selanjutnya melihat kajian-kajian yang dilakukan yang menyentuh konversi agama Islam. Kose<sup>51</sup> dalam tesisnya PhDnya, “*Conversion To Islam : A Study Of Native British Converts*” mendapati 32.8% Saudara Baru terlibat secara langsung dalam badan dakwah Islam semasa proses konversi agama berlaku. Kajian bersifat sosiologi dan psikologi ini dilakukan menggunakan kaedah temu bual ke atas 70 orang yang telah memeluk agama Islam. Bagi memperolehi data yang menyeluruh, Kose menstrukturkan soalan kepada pelbagai aspek iaitu pengalaman keagamaan sebelum konversi, faktor dorongan pemelukan agama, hubungan sosio-demografi dan emosi. Beliau mendapati, interaksi dengan rakan Muslim merupakan faktor utama Saudara Baru ini memeluk agama Islam dengan bertitik tolak daripada pemerhatian fenomena agama yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Muslim. Beliau juga menjelaskan peranan intelektual menjadi faktor pemangkin komuniti pra konversi mengambil keputusan untuk melakukan penukaran agama Islam dengan membandingkan fenomena keagamaan yang berkaitan aspek ketuhanan, keadilan sosial dan praktis amalan masyarakat Muslim. Kose juga tidak mendapati faktor tekanan hidup semasa kanak-kanak dan remaja mendorong Saudara Baru melakukan konversi agama. Selain daripada itu, Kose mendapati komuniti Saudara Baru ini akan melakukan transformasi terhadap gaya hidup semasa, praktis amalan dan cara berpakaian. Kajian yang bersifat deskriptif yang dilakukan oleh Kose ini memberi perhatian terhadap persoalan faktor dan cabaran pemelukan agama Islam. Walaupun Kose menyatakan faktor pergaulan dengan masyarakat Muslim mendorong kepada konversi agama Islam, namun beliau tidak

---

<sup>51</sup> Kose, Ali. *Conversion To Islam: A Study Of Native British Converts* (London: Kegan Paul International, 1996)

memperincikan korelasi interaksi yang berlangsung dalam kehidupan Saudara Baru. Selain itu, Kose banyak membicarakan pengalaman Saudara Baru pada peringkat pra konversi.

Menganalisis tulisan Tinaz<sup>52</sup> pula dalam kajian Phdnya yang bertajuk “*Conversion of African Americans to Islam: A Sociological Analysis of the Nation of Islam And Associated Groups*” memaparkan pengalaman masyarakat kulit hitam di Amerika Syarikat memeluk agama Islam. Responden yang terdiri daripada komuniti Saudara Baru di Chicago ini menjelaskan bahawa, pemelukan agama Islam menimbulkan reaksi yang negatif dalam kalangan keluarga (29%), positif (19.5%), terperanjat (12.1%), perasaan bercampur-campur (17%), menyokong (17%) dan neutral (4.8%) di Muslim American Society. Kajian yang dilakukan oleh Tinaz ini adalah kajian triangulasi sosiologi yang menggabungkan metode temu bual, soal selidik dan observasi. Beliau mendapati konversi agama Islam yang berlaku dalam kalangan komuniti kulit hitam ini disebabkan pengaruh rakan, dorongan saudara yang telah memeluk agama Islam, peranan badan-badan dakwah Islam, lawatan rumah ibadah orang Islam, dan pembacaan. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan faktor pergaulan dengan rakan Islam merupakan jumlah yang paling ramai yang memeluk agama Islam. Tinaz hanya melihat perbezaan fenomena yang berlaku dalam komuniti kulit hitam di dua lokasi yang berbeza yang memberi bimbingan terhadap komuniti Saudara Baru di Chicago. Kajian beliau ini juga hanya meneroka pengalaman yang berlaku ketika pra konversi agama manakala skop kajian hanya ditumpukan ke atas komuniti kulit hitam warga

---

<sup>52</sup> Tinaz, N., “*Conversion of African Americans to Islam: A Sociological Analysis of the Nation of Islam And Associated Groups*” ( Tesis kedoktoran University of Warwick, 2001)

Amerika. Pendek kata, kajian Tinaz ini mencerminkan budaya dan fenomena konversi agama yang tidak menyeluruh memandangkan batasan kajian hanya kepada komuniti kulit hitam di Chicago. Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Al-Qwidi<sup>53</sup> dalam tesis Phdnya yang bertajuk “*Understanding The Stages Of Conversion To Islam The Voices Of British Converts*” merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan temu bual ke atas 37 orang Saudara Baru juga memaparkan fenomena yang berlaku dalam kalangan komuniti British yang memeluk agama Islam. Beliau mendapati kebanyakan pemeluk agama baru ini datangnya dari keluarga yang tidak memberi perhatian kepada agama asal. Dengan menggunakan teori yang digunakan oleh Rambo, beliau juga mendapati responden melalui beberapa fasa dalam konversi agama. Pada fasa pertama iaitu hubungan (*context*), Al-Qwidi mendapati kebanyakan komuniti pra konversi mengakui bahawa pengalaman keagamaan yang berlaku ketika masih berpegang kepada ‘agama asal’ mendorong mereka mencari pengertian hidup yang sebenar. Pada fasa yang kedua (*crisis*), beliau mendapati kesukaran yang berlaku dalam kehidupan komuniti pra konversi membuka ruang kepada mereka untuk mencari makna kehidupan dan hakikat ketuhanan yang sebenar. Pada fasa yang ketiga, (*quest*) memperjelaskan bahawa faktor ‘*significant event*’ yang berlaku di sekeliling responden ketika masih berada dalam agama asal seperti melihat rancangan keagamaan Islam, menyaksikan masyarakat Muslim melaksanakan solat, membaca buku-buku bertemakan Islam, mendengar muzik Islam menjadi titik tolak komuniti ini cuba mengenal agama Islam lebih dekat. Seterusnya pada peringkat pertemuan (*encounter*), Al-Qwidi

---

<sup>53</sup> Al-Qwidi, M., “*Understanding The Stages Of Conversion To Islam The Voices Of British Converts*”, (Tesis PhD School of Theology and Religious Studies The University of Leeds, 2002).

mendapati maklumat tentang agama Islam menjadi lebih meyakinkan apabila komuniti pra konversi ini terlibat secara langsung dalam aktiviti keagamaan komuniti Muslim. Justeru, dalam fasa ‘pertemuan’ kerana ingin berkahwin dengan pasangan Muslim, hubungan dengan kawan Muslim, dorongan keluarga Muslim dan terlibat dalam aktiviti masyarakat Muslim merupakan faktor yang mendorong komuniti ini melakukan pemelukian agama Islam. Kajian yang dilakukan oleh Al-Qwidi memperlihatkan bagaimana elemen dialog kehidupan seperti pengenalan, pemahaman dan perkongsian dalam perihal keagamaan orang lain akhirnya mengorak langkah komuniti ini melakukan perpindahan agama. Walau bagaimana pun, Al-Qwidi lebih memberi penekanan terhadap fenomena komuniti yang melakukan konversi agama Islam dengan menggunakan teori yang digunakan oleh Rambo.

Dalam konteks kajian tempatan, Rasinah Haji Ahim<sup>54</sup> dalam tesis PhDnya yang bertajuk ‘Penerimaan Dan Kefahaman Tentang Islam Dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam’ mendapati berlaku penukaran agama disebabkan atas faktor pergaulan dengan rakan-rakan Muslim 11%, pengaruh jiran dan penduduk 7 %, dilahirkan dalam keluarga yang memeluk agama Islam 20%, pengaruh Saudara Baru Muslim 9.5%, menganggap Islam sebagai agama yang benar 33%. Kajian kuantitatif Rasinah juga mendapati bahawa konversi agama Islam yang berlaku dalam kalangan komuniti Murut dan Dusun di Brunei menimbul tentangan keluarga, masalah tempat tinggal, kewangan, layanan buruk keluarga dari sebelah pasangan, sukar menyesuaikan diri dengan masyarakat Muslim di sekeliling dan merahsiakan

---

<sup>54</sup> Rasinah Binti Haji Ahim, “Penerimaan Dan Kefahaman Tentang Islam Dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam”, (Tesis kedoktoran Universiti Malaya, 2010).

pemelukan. Rasinah mendapati komuniti yang kurang memahami agama Islam merupakan kelompok yang terbesar yang mencakupi 47% dalam kelompok Saudara Baru. Kajian yang dilakukan oleh Rasinah memberi fokus tentang fenomena penghayatan agama yang berlaku dalam komuniti Murut dan Dusun selepas melakukan konversi. Biarpun beliau menyatakan interaksi dengan komuniti Muslim mendorong kepada pemelukan Islam, namun ianya merupakan situasi yang lazim dilalui oleh komuniti yang melakukan konversi agama. Selain daripada suasana masyarakat Murut dan Dusun sangat berbeza dengan komuniti yang lain. Mengambil kira faktor-faktor persekitaran amat mempengaruhi kehidupan beragama seseorang, maka faktor sosio-ekonomi dan politik di Brunei tidak mencerminkan fenomena yang berlaku di Malaysia.

Walaupun ada kajian yang menyentuh sedikit hubungan antara masyarakat Cina Muslim dan Melayu namun ia masih terbatas dan hanya menjelaskan fenomena yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Muslim yang melakukan perkahwinan campur dengan orang-orang Melayu. Misalnya kajian soal selidik yang dilakukan ke atas 200 orang Cina Muslim oleh Osman Chuah<sup>55</sup>, menjelaskan tentang cabaran interaksi intra dan inter selepas konversi agama dalam kalangan komuniti Cina Muslim. Katanya lagi, timbul stereotaip yang tidak sihat dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim menganggap menganut Islam bermakna masuk Melayu (*Jip Huan*) dan dianggap pengkhianat bangsa kerana cuba menghapuskan budaya dan bahasa asal. Namun begitu, beliau mendapati 80-90% ahli keluarga bukan Muslim akhirnya menerima pengislaman ahli keluarga setelah melalui beberapa tempoh yang tertentu. Secara umumnya Chuah

---

<sup>55</sup> Osman bin Abdullah @ Chuah Hock Leng, "Interaction and integration of Chinese Muslims with their Malay counterparts in Selangor", (Tesis kedoktoran Universiti Malaya, 1997)

melihat hubungan antara masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat Melayu adalah mesra khususnya apabila masyarakat Cina Muslim yang berkahwin dengan masyarakat Melayu atau tinggal dalam komuniti Melayu. Berkait dengan ini, kehidupan selepas Islam memperlihatkan kecenderungan komuniti Cina Muslim menyesuaikan diri dalam budaya seperti dalam aspek adat perkahwinan, makanan, pakaian dan bahasa. Kajian beliau ini mengarahkan kepada kajian yang bersifat sosiologi agama dan tidak membincang secara serius pengalaman hidup sehari-hari golongan Saudara Baru. Biarpun begitu, boleh dikatakan tesis PhD beliau ini membuka jalan kepada kajian-kajian yang selanjutnya tentang komuniti Cina Muslim di Malaysia. Namun begitu, kajian beliau ini hanya menumpukan kepada komuniti Cina Muslim di negeri Selangor dan Kuala Lumpur yang semestinya memaparkan fenomena yang agak berbeza dengan budaya komuniti Cina yang tinggal di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Joy Lam<sup>56</sup> memberi tumpuan dalam aspek pembangunan identiti. Hasil kajian beliau menjelaskan masyarakat Cina yang melakukan konversi agama terpaksa melalui proses pembangunan semula identiti diri dalam tiga tahap iaitu pertamanya, bagaimana membentuk identiti Muslim yang sejati, keduanya bagaimana menyesuaikan budaya asal dengan nilai-nilai agama Islam seperti sambutan Tahun Baru Cina dan kebudayaan etnik; dan ketiganya bagaimana masyarakat Cina Muslim mengekalkan nama keluarga dalam penamaan Islam mereka. Yamin Cheng<sup>57</sup> menyatakan konflik ini bertitik tolak daripada perbezaan budaya yang

---

<sup>56</sup> Lam, Joy, Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Converts in Malaysia. (Singapore: Southeast Asian Studies Programme National University of Singapore, 2005)

<sup>57</sup> Yamin Cheng, *A Chinese Life of Islam The Search for Identity*, (K. Lumpur: The Other Press, 2012), 1.

diamalkan oleh masyarakat Cina Muslim dan Melayu Muslim. Timbul salah faham dalam kalangan Cina bukan Muslim bahawa seorang Cina yang memeluk agama Islam tidak boleh lagi mengamalkan identiti budaya yang diwarisi turun temurun. Dalam perihal ini juga, Rosey Ma<sup>58</sup> dalam kajiannya menjelaskan bahawa masyarakat Cina Muslim di Malaysia berhadapan pelbagai dilema kehidupan setelah memeluk Islam seperti menerima tekanan dari keluarga asal, masalah penamaan, disisih oleh masyarakat Melayu, konflik budaya, dianggap Muslim kelas kedua, masalah bahasa, diskriminasi, tekanan emosi, masalah pemakanan, hubungan dengan keluarga Melayu dan konflik identiti. Secara keseluruhannya, kajian yang membicarakan komuniti Cina Muslim di atas hanya memerihalkan faktor pemelukan, kemelut yang berlaku intra dan inter etnik dan salah faham. Justeru, ianya memaparkan permasalahan yang lazim yang berlaku dalam masyarakat yang melakukan konversi agama. Penulis tidak mendapati penekanan diberikan kepada pengalaman dialog dalam kehidupan sehari-hari mereka sama ada sebelum atau selepas konversi. Walau bagaimanapun dapatan-dapatan yang dikemukakan oleh para pengkaji yang lepas boleh membantu pengkaji merangka kajian yang dilaksanakan.

Sementara itu sebahagian sarjana menumpukan kajian terhadap penghayatan nilai agama dalam kalangan masyarakat Cina Muslim. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Shakirah<sup>59</sup> mendapati bahawa golongan Saudara Baru di Pulau Pinang masih mengamalkan cara hidup bukan Islam dengan nisbah 65%, antaranya minum arak,

---

<sup>58</sup> Wang, Ma Rosey, “Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia”, *Asian Ethnicity Journal*. Vol. 6, No.2 (Jul 2005).

<sup>59</sup> Shakirah Mohd Anuar, “Pemahaman Islam Di Kalangan Saudara Kita di Negeri Pulau Pinang”, (Disertasi sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002)

mengandung anak luar nikah dan berzina. Masalah murtad berlaku apabila pasangan ini bercerai dan juga tekanan dari persekitaran. Syukri Yeoh & Osman Abdullah<sup>60</sup> mendapati bahawa ramai dalam kalangan mereka yang memeluk agama Islam tidak lagi menumpukan perhatian terhadap Islam sebagai cara hidup. Sebilangan kecil Saudara Baru ini cuba kembali kepada agama asalnya. Kajian Mohd Zaid Mohd Zain<sup>61</sup> mendapati bahawa kesan pendidikan agama dalam kalangan Saudara Baru masih berada di tahap yang kurang membanggakan. Beliau mendapati wujud kalangan Saudara Baru yang ingin kembali semula ke ajaran asal kerana berlakunya perceraian dengan pasangan Melayu dan faktor ini dikaitkan dengan tahap pendidikan yang diberikan di PERKIM agak kurang memberansangkan. Kajian yang dilakukan oleh Mudaser & Marzuki<sup>62</sup> mendapati bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap agama Islam adalah sederhana dan baik, namun begitu masih ramai yang lemah dalam pengetahuan agama. Kajian-kajian di atas secara umumnya melihat perspektif keberkesanan dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan Saudara Baru yang meliputi pelbagai bangsa dan skop kajian dikhususkan terhadap lokasi yang tertentu sahaja. Namun begitu, dapatan kajian-kajian yang lepas dapat memberi indikasi awal yang boleh membantu kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Tuntasnya, kajian yang khusus menyentuh komuniti Cina Muslim di Terengganu dalam arena dialog kehidupan dapat memperkuatkan lagi kelompongan dapatan daripada kajian yang dilakukan sebelum ini.

---

<sup>60</sup> Mohd Syukri Yeoh & Osman Abdullah, “The Problem of Mu'allaf in Malaysia”, *Jurnal Islamiyyat*. Jil. 24, (2003)

<sup>61</sup> Mohd Zaid Mohd Zain. “Kesan Pengajaran Dan Pendidikan Agama Di Kalangan Saudara Baru: Kajian di Perkim Negeri Sembilan”, (Disertasi sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).

<sup>62</sup> Mudasir Rosder & Marzuki Musa. “Kefahaman Islam Dalam Kalangan Saudara Baru (Cina) Di Batu Pahat, Johor,” dalam *Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara China dan Malaysia* (2005).

Selanjutnya Tan Chee Beng<sup>63</sup> dalam bukunya yang bertajuk “*Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*” cuba menyingkap sejarah perkembangan komuniti Cina di negeri Terengganu. Beliau juga menjelaskan bahawa komuniti Cina Terengganu berhadapan proses akulturasi dan akomodasi budaya khususnya dalam aspek kehidupan seharian. Boleh dikatakan Tan Chee Beng ini mengemukakan *tasawur* awal berhubung sejarah dan perkembangan masyarakat Cina di negeri Terengganu. Tan Yao Sua<sup>64</sup> menjelaskan komuniti Cina yang tinggal di Kampung Tirok yang memperlihatkan perkembangan akulturasi budaya Melayu Muslim. Pengaruh akulturasi budaya Melayu ini boleh dilihat dalam aspek bahasa, makanan, struktur kediaman, pakaian dan amalan pengubatan. Proses akulturasi budaya Melayu berkembang apabila komuniti Cina yang tinggal di kampung berpindah dan berkahwin dengan komuniti Cina yang tinggal di bandar. Justeru, melalui tulisan yang terdahulu memaparkan masyarakat Cina di negeri Terengganu terpengaruh dengan budaya masyarakat Melayu setempat dan sekali gus mendedahkan komuniti ini kepada anasir-anasir keagamaan masyarakat lain. Wang<sup>65</sup> pula menjelaskan tentang sejarah kelompok Cina Muslim yang datang dari Tanah Besar China dan membina penempatan di Malaysia iaitu kelompok Cina Muslim Kaoy di Pulau Pinang, Tianjing Hui di Sabah dan keluarga Yunnan di Terengganu. Rosey Ma Wang menjelaskan bahawa ketibaan masyarakat Cina Muslim ke Terengganu bermula awal abad 20 yang berasal dari Guandong. Perkongsian agama dengan masyarakat Melayu Muslim memudahkan

<sup>63</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, (Singapore: Eastern Universities Press, 2002).

<sup>64</sup> Tan Yao Sua & Kamarudin Ngah, *Pengekalan Dan Penyebaran Budaya Cina di Sebuah Negeri Melayu*, (Kuala Lumpur: Vinlin Press, 2012)

<sup>65</sup> Wang, Rosey Ma, “Chinese Muslim In Malaysia History and Development”, Dicapai pada 15 Nov. 2011, [http://210.0.141.99/eng/malaysia/ Chinese Muslim\\_in\\_Malaysia.asp](http://210.0.141.99/eng/malaysia/ Chinese Muslim_in_Malaysia.asp).

kelompok ini melakukan asimilasi budaya. Manakala kajian yang dilakukan oleh Yunus Ma<sup>66</sup> mendapati bahawa wujud dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Kuala Terengganu bimbang dengan pengaruh agama Islam yang berkemungkinan akan memberi impak yang tersendiri ke atas kehidupan masyarakat mereka. Yunus mendapati persepsi negatif ini disebabkan masalah sikap buruk masyarakat Melayu Muslim di negeri ini, peranan media dan politik; dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan Saudara Baru Cina. Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan di atas, jelasnya pengkaji-pengkaji terdahulu memberi penekanan kepada aspek sosiologi, historiografi dan persepsi terhadap agama Islam. Namun begitu, pengkaji tidak mendapati, kajian yang terperinci membincangkan hubungan antara agama antara komuniti Cina dan Melayu walhal proses adaptasi budaya telah berlaku sekian lama di negeri ini.

Berdasarkan sorotan kajian secara keseluruhannya dapat dinyatakan bahawa walaupun banyak kajian yang dilakukan menyentuh komuniti Saudara Baru Cina, namun ianya masih melihat dalam lingkungan perbahasan yang hampir sama khususnya dari aspek permasalahan dan cabaran yang dilalui. Justeru, masih belum didapati kajian yang lebih khusus membicarakan dialog kehidupan yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina di Malaysia. Mengambil kira komuniti Cina dan Melayu merupakan kelompok yang terbesar di Malaysia, sewajarnya dialog kehidupan perlu dijadikan satu mekanisme perbincangan silang agama melalui perkongsian aktiviti bagi memberi

---

<sup>66</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah, “Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam”, (Tesis sarjana Universiti Malaya, 2001)

kefahaman dan memupuk hubungan toleransi antara agama. Permasalahan-permasalahan sebagaimana yang dipaparkan dalam dapatan kajian lepas seharusnya diamati melalui perspektif dialog secara informal bagi menyemai sikap saling hormat menghormati, saling menyayangi dan bertimbang rasa di antara satu sama lain. Dalam konteks negeri Terengganu, walaupun jumlah komuniti Cina di negeri Terengganu tidak besar, namun unsur-unsur ‘perkongsian budaya’ yang telah sedia terjalin dalam kalangan mereka amatlah wajar diperbahaskan dari perspektif toleransi antara agama. Selain daripada itu, didapati kajian yang berkaitan tentang dialog dalam kalangan golongan non-elit di Malaysia juga adalah bersifat terbatas dan amat terhad. Sesungguhnya kajian tentang masyarakat Cina Muslim dalam konteks membincangkan pengalaman seharian mereka boleh memperkayakan lagi khazanah dapatan kajian khususnya dalam perkembangan arena dialog antara agama di Malaysia. Di samping itu juga kajian yang akan dilakukan ini boleh memperkuuhkan lagi kekurangan dapatan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Pengumpulan maklumat dan bahan kajian ini diusahakan dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

### **1.7.1 Kajian Perpustakaan**

Menerusi kajian perpustakaan, pengkaji mengumpul maklumat dan bahan-bahan yang menyentuh sejarah awal penempatan dan perkembangan masyarakat Cina di Negeri

Terengganu. Selain daripada itu pengkaji juga melakukan analisis dokumen seperti minit mesyuarat, buletin organisasi, fail rasmi, laporan tahunan, surat dan sebagainya juga boleh dijadikan sebagai sebahagian teknik bagi menguatkan lagi isu yang dikaji.

### 1.7.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan satu kaedah penyelidikan deskriptif yang memerihalkan sesuatu perkara yang berlaku. Mokhtar menyatakan penyelidikan deskriptif boleh digunakan untuk menerangkan status terkini tentang sesuatu fenomena yang berlaku.<sup>67</sup>

Justeru kajian lapangan ini meliputi kajian soal selidik, temu bual dan pengalaman ikut serta. Berkait dengan ini, Altrichter et al. menjelaskan bahawa penggunaan kaedah *triangulation* adalah sebagaimana berikut “*gives a more detailed and balanced picture of the situation*”.<sup>68</sup> Ini bermakna, penggunaan kaedah penyelidikan sebegini boleh mengukuhkan lagi dapatan hasil kajian. Dalam perihal ini Mohd Najib menyatakan bahawa kaedah *triangulation* berkuasa menentukan ketulenan data yang diperolehi melalui penggunaan lebih daripada dua kaedah perolehan data. Dalam kata lain, pendekatan globalis ini memperlihatkan bagaimana wujud toleransi sosial di antara pandangan individu dan pandangan masyarakat dalam membina satu makna.<sup>69</sup> Selain daripada itu, pendekatan sebegini mampu saling membaiki kelemahan yang timbul dalam bentuk-bentuk kajian yang dijalankan. Ini sebagai mana yang dijelaskan “*triangulation as an "attempt to map out, or explain more fully, the richness and*

<sup>67</sup> Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2011), 57.

<sup>68</sup> Altrichter, H., Feldman, A., Posch, P. & Somekh, B. *Teachers investigate their work; An introduction to action research across the professions*. (London: Routledge, 2008), 2: 147.

<sup>69</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 22.

*complexity of human behavior by studying it from more than one standpoint*<sup>70</sup>. Justeru, dapatan kajian menggunakan kaedah *mixed method* ini lebih menyeluruh, memandangkan terdapat soalan-soalan kajian yang sukar dijawab sekiranya hanya menjalankan satu kaedah sahaja digunakan. Secara terperincinya kajian lapangan melalui soal selidik meliputi aspek-aspek berikut:

### **1.7.2.1 Temu Bual**

Pendekatan temu bual dilakukan bagi melihat fenomena kefahaman manusia dalam bertingkah laku. Mohd Najib menyatakan pendekatan yang bersifat subjektif ini menekankan kepada peranan manusia sebagai humanis yang mempunyai kehendak, perasaan dan membina makna untuk mewujudkan tamadun hasil interpretasi mereka mengikut suasana masa dan tempat. Melalui kaedah temu bual pengkaji akan memperolehi data yang lebih terperinci dan fokus tidak seperti mana kaedah soal selidik. Antaranya penyelidik mampu memperolehi maklumat luar jangkaan melalui respons tingkah laku peserta kajian. Reka bentuk kajian kualitatif boleh digunakan untuk menerangkan status terkini tentang sesuatu fenomena yang berlaku.<sup>71</sup> Temu bual dengan soalan berangka dilakukan ke atas beberapa orang informan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan masyarakat Cina di negeri Terengganu. Mereka terdiri daripada:-

- i. Pengetua Kompleks Darul Hidayah, Abd Halim Lim Abd Rahman.
- ii. Penggerusi Macma Terengganu dan Persatuan Darul Fitrah, Datin Norhana Ng Abdullah

---

<sup>70</sup> Cohen, L., & Manion, L. , *Research methods in education*, (London: Routledge, 2000), 5:254.

<sup>71</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*, 22.

- iii. Pegawai Eksekutif Persatuan Kebajikan Malaysia (PERKIM) cawangan Terengganu iaitu Ustaz Mohd Sufri Jaafar.
- iv. Presiden Persatuan Buddha Negeri Terengganu, Wong Choon Kheng.
- v. Stephen Chan Mung Koon di St Andrew's Church

Selanjutnya, bagi mendapat maklumat yang lebih meyakinkan, pengkaji juga bersemuka dengan 20 komuniti Cina yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Penelitian dilakukan melalui data-data deskriptif kaedah kualitatif pensampelan bertujuan yang merujuk satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik.<sup>72</sup> Bagi menjaga kerahsiaan responden dan memudahkan analisis, penulis menggunakan kod resp#1 hingga resp#20 sebagai ganti nama peserta kajian sebagaimana yang disarankan oleh Nurulhuda dan Ramlee dalam kajiannya.<sup>73</sup> Bilangan peserta dalam kajian ini ialah seramai 20 orang dikira mencukupi untuk tujuan kajian kes yang berbentuk kualitatif ini. Menurut Mohd Yusof Husain et al. dalam kajiannya menyatakan bahawa bilangan peserta kajian kes iaitu 8 orang dikira memadai untuk tujuan kajian kes berbentuk kualitatif.<sup>74</sup> Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara *focused interview* agar wujud perkongsian pengalaman antara pengkaji dan responden.<sup>75</sup> Dalam perihal ini, soalan-soalan dibina berdasarkan tema yang telah dikenal pasti dengan senarai soalan ini menjadi panduan semasa proses temu bual dijalankan.

---

<sup>72</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Penyelidikan Pengajaran Islam*, (Bangi: UKM, 2009), 71.

<sup>73</sup> Nurulhuda Che Abdullah, & Ramlee Mustapha. "Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu". *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34/2 (2009). 148

<sup>74</sup> Mohd Yusof Husain et al., "Persepsi Pensyarah Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran Empolyability Pelajar Kejuruteraan Institusi Teknikal: Satu Kajian Kes". *Dalam First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014)*. 3. Juga lihat dalam Che Abdullah, & Ramlee Mustapha. Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu). 148

<sup>75</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajaran Islam* (Rawang: Kamil & Shakir Sdn Bhd, 2009) 72.

Panduan temu bual boleh dijadikan senarai semak nanti tidak ada maklumat yang terlepas dan pengumpulan data dihentikan apabila data yang diperolehi telah mencapai tahap tepu (*saturation*).<sup>76</sup> Rasional kaedah ini digunakan adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Idris bahawa walaupun tumpuan dalam temu bual separa struktur ini adalah pada keseragaman soalan, namun jawapan dari maklumat yang diinginkan perlu diperhalusi seperti penggunaan ungkapan, istilah atau perkataan yang digunakan dalam menjelaskan sesuatu perkara.<sup>77</sup> Ini bermakna, pengkaji tidak hanya terikat dengan soalan-soalan yang disediakan malah pengkaji boleh mengemukakan soalan-soalan yang dilihat relevan semasa sesi temu bual dilakukan. Biarpun begitu, penyediaan soalan yang lebih awal akan menjadikan perbualan yang lebih fokus dan mudah dianalisis. Dalam kajian yang dijalankan ini penyelidik melakukan temu bual dengan cara mengajukan soalan-soalan yang spesifik kepada responden dan membaca senarai soalan yang telah tersedia. Selain itu, pemilihan peserta juga adalah berdasarkan kerelaan dan kesanggupan dalam melibatkan diri dalam kajian ini.

Kajian kes berbentuk kualitatif yang dilakukan oleh penulis dengan saiz sampel ( $n = 20$ ) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Bagi Mohd Yusof et al., kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk.<sup>78</sup> Temu bual awal ini merupakan satu pendekatan tinjauan bagi melihat sesuatu fenomena

<sup>76</sup> Creswell, J., (2005). *Educational Research - Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative* (2nd Ed). University of Nebraska - Lincoln: Pearson Education International. 34.

<sup>77</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* . 72.

<sup>78</sup> Mohd Yusof Husain et al., “Persepsi Pensyarah Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran Empolyability Pelajar Kejuruteraan Institusi Teknikal: Satu Kajian Kes”. 3.

tentang dialog kehidupan yang berlaku dalam kehidupan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. Berkait dengan ini, responden juga dikehendaki menjelaskan jantina, agama asal, tempoh memeluk agama Islam, keturunan, latar belakang pendidikan dan pekerjaan.

Kajian rintis ke atas 5 orang Saudara Baru Cina dilakukan bermula Februari 2012 hingga Mac 2012. Kajian rintis temu bual ini dapat membantu penyelidik mengemaskin perancangan untuk mengumpul data seperti melakukan pengubahsuaian item-item mengikut komen yang diberikan oleh responden, menentukan jenis yang diperlukan dan proses yang perlu diikuti semasa mengumpul data. Selain itu, melalui kajian rintis, penyelidik dapat menyemak validiti instrumen yang digunakan dan mengetahui kekangan yang wujud ketika proses pengumpulan data dijalankan. Ini bermakna, soalan temu bual diuji sehingga jawapan yang diberikan oleh responden benar-benar dilihat konsisten. Justifikasi kajian dilakukan ke atas Saudara Baru Cina di Kompleks Darul Hidayah kerana agensi ini merupakan pusat yang bertanggungjawab ke atas segala kegiatan Saudara Baru di negeri. Temu bual sebenar dilakukan bermula 9 Oktober 2012- 15 Disember 2012 dan lokasi temu bual ditentukan sendiri oleh peserta kajian. Sebelum itu pengkaji telah meminta surat kebenaran daripada pihak Jabatan Agama Islam negeri Terengganu untuk melaksanakan sesi temu bual tersebut.

Menurut Mokhtar, keberkesanan temu bual bergantung pada sejauh mana hubungan yang baik yang wujud antara penyelidik dan responden.<sup>79</sup> Bagi membina hubungan yang baik dengan responden, pengkaji membiasakan diri dengan sosiobudaya responden

---

<sup>79</sup> Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*, 65.

seperti melibatkan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah di negeri Terengganu, pengalaman tinggal bersama dan kunjungan ziarah ke rumah Saudara Baru Cina. Selain daripada itu, teknik pensampelan bola salji (*snowball*) dilakukan apabila pengkaji bertanya kepada responden bagi mendapat maklumat dari rakan-rakan yang berkaitan. Ahmad Sunawari menjelaskan bahawa bola salji yang kecil digolekkan pada permukaan salji akan membesar dan membesar. Justeru ia merupakan satu pendekatan '*accumulation as each subject suggests other subjects*'.<sup>80</sup> Seterusnya, jawapan-jawapan yang direkodkan melalui pita rakaman dipindahkan dalam bentuk transkrip. Bagi memudahkan penelitian, pengkaji melakukan pembahagian jawapan berdasarkan kategori yang dikehendaki.

#### **1.7.2.2 Soal Selidik**

Mohd Najib menjelaskan bahawa melalui soal selidik, manusia hanya perlu menyatakan pendirian mereka terhadap tindakan, kemahiran atau persepsi tentang sesuatu fenomena.<sup>81</sup> Dapatan diklasifikasikan mengikut ciri-ciri yang ditetapkan meliputi latar belakang responden, persepsi, pengalaman dialog, keprihatinan dan sikap.

Berdasarkan data yang diperoleh jumlah yang berdaftar memeluk Islam dari tahun 1990-2012 ialah seramai 548 orang. Sebahagian daripada Saudara Baru Cina yang telah berpindah ke tempat lain dan faktor kematian tidak memungkinkan penyelidik mengambil sepenuhnya sampel populasi. Justeru, pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan iaitu merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri

---

<sup>80</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*, 72.

<sup>81</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan, 22.

sampel yang dikehendaki oleh penyelidik.<sup>82</sup> Ini bermakna, kajian ini memfokuskan komuniti Cina Muslim yang belajar di kelas-kelas yang dianjurkan oleh Pejabat Agama Negeri Terengganu di 7 daerah di negeri Terengganu. Populasi sebenar sampel ialah seramai 92 orang dan berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, sekiranya populasi kajian adalah 95 maka sampel yang terbaik ialah 76 orang.<sup>83</sup> Berdasarkan jumlah populasi seramai 92 orang dengan jumlah sampel yang diperolehi seramai 86 orang, bermakna jumlah yang diperolehi berada pada kedudukan yang tinggi iaitu 93.5%. Borang soal selidik diedarkan bermula 15 Disember 2013 dan dikutip sepenuhnya pada 30 Januari 2014. Borang-borang soal selidik diedarkan kepada masyarakat Cina Muslim dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu (Kompleks Darul Hidayah).

Pengkaji berpendapat bahawa melalui borang soal selidik, data yang diperoleh adalah tepat dan dalam masa yang sama responden dapat memberi maklum balas yang meyakinkan. Borang soal selidik digubal dan dibina oleh pengkaji berdasarkan teori dan pandangan pakar dalam bidang ‘Dialog Kehidupan’ iaitu Prof. Datin Dr. Azizan Baharuddin, Timbalan Pengarah IKIM, merangkap profesor di Pusat Dialog, Universiti Malaya. Set soal selidik untuk Saudara Baru Cina digunakan untuk memperoleh respons khas terhadap pengalaman dialog kehidupan pada sebelum dan setelah memeluk agama Islam. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi maklumat responden. Bahagian B berkaitan persepsi pengetahuan

---

<sup>82</sup> Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*, 99. Juga lihat di dalam Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*, 85 dan Ahmad Mahdzan, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. (Serdang: UPM, 2005), 122.

<sup>83</sup> Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*, 81.

dan kefahaman responden terhadap konsep dialog kehidupan. Bahagian C mengandungi aplikasi komuniti Cina Muslim dalam dialog kehidupan sebelum memeluk agama Islam, bahagian D menjelaskan tentang tahap penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam arena dialog kehidupan setelah memeluk agama Islam dan bahagian E menjelaskan tentang faktor dan cabaran masyarakat Cina Muslim ketika menjalankan dialog kehidupan.

Kaedah Analisis Data - Pada bahagian ini dikemukakan instrumen yang digunakan untuk mengukur variabel yang diteliti. Bagi mengukur validiti tahap kefahaman, penglibatan, faktor dan cabaran responden dalam dialog kehidupan khususnya pada segmen B, C, D dan E, pengkaji menggunakan skala *likert* 1 hingga 5 iaitu 1 bagi Sangat Tidak Bersetuju (STB), 2 bagi Tidak Bersetuju (TB), 3 bagi Tidak Pasti (TP), 4 bagi Setuju (S) dan 5 bagi Sangat Setuju (SS).<sup>84</sup> Sesudah itu barulah dipaparkan prosedur pengembangan instrumen pengumpulan data atau pemilihan alat dan bahan yang digunakan dalam penelitian. Analisis data dibuat berdasarkan kepada data primer yang diperoleh daripada responden terhadap soalan-soalan yang terkandung dalam segmen A, B, C, D dan E borang soal selidik. Jawapan kepada semua soal selidik dikodkan sebelum dimasukkan ke dalam komputer. Data kuantitatif yang diperoleh diproses menggunakan perisian komputer '*Statistical package For Science*' (*SPSS 20.0 For Windows*) untuk menganalisis data deskriptif. Analisis statistik dengan ujian min (purata) dan peratus digunakan bagi mengukur tahap, persepsi dan aplikasi masyarakat Cina Muslim terhadap kefahaman, sikap, penglibatan dan cabaran dalam terhadap dialog kehidupan. Selain itu, ujian-t sampel bebas juga digunakan untuk mengkaji sama ada

---

<sup>84</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*, 86.

terdapat perbezaan yang signifikan atau sebaliknya tentang dialog kehidupan dengan pemboleh ubah jantina dan tempoh memeluk agama Islam.

Sebelum kajian dilakukan, pengkaji terlebih dahulu akan membuat kajian rintis dalam kalangan masyarakat Cina Muslim. Sebanyak 30 sampel diambil secara rawak bagi mengetahui kebolehpercayaan item-item soalan yang dibina. Pembinaan ujian-ujian ini mengambil masa yang rencam bagi menilai kebolehpercayaan dan kesahannya sebelum boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan. Hasil dapatan kajian rintis yang dilakukan pada Mac 2013, perolehan nilai *alpha* pada bacaan 0.797 menunjukkan dapatan ini berada dalam *realibity* yang tinggi. Ini bertepatan dengan indek Rowntree yang menyebut tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 - 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat dan merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.<sup>85</sup> Manakala mengikut Kaplan dan Saccuzzo (1982) menyatakan bahawa tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 – 0.80 merupakan tahap kebolehpercayaan yang baik.<sup>86</sup>

### 1.7.2.3 Pengalaman Turut Serta

Menurut Ahmad Sunawari, dalam keadaan tertentu penyelidik berperanan sebagai pemerhati dan kadangkala bertindak sebagai peserta dengan mereka yang diperhatikan. Kaedah ‘Pemerhatian Penyertaan Tanpa Kawalan’ memberi peluang yang secukupnya kepada penyelidik mengkaji mereka yang terlibat dan menimbulkan rasa natural dalam kalangan yang diperhatikan.<sup>87</sup> Justeru itu, pengkaji melakukan pengamatan ikut serta

---

<sup>85</sup> *Ibid.*, 122.


<sup>86</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*, 85.

<sup>87</sup> *Ibid.*, 56.

dengan mengunjungi rumah masyarakat Cina Muslim yang terpilih, situasi tinggal bersama, dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat Cina Muslim. Misalnya pengalaman tinggal bersama dengan beberapa orang Cina Muslim di Darul Fitrah selama 8 hari bermula dari 6 April hingga 13 April 2012, pengalaman kunjungan ziarah ke rumah Saudara Baru Cina pada 23 Februari 2012 dan 10 Mac 2012 dan kunjungan sempena rumah terbuka Hari Raya pada 26 Ogos 2012. Begitu juga penglibatan turut serta dalam sambutan Tahun Baru Cina. Pengkaji melibatkan diri dalam upacara ini pada 21 Januari 2012 (anjuran PERKIM), 29 Januari 2012 (anjuran MAIDAM) dan 21 Februari 2013 (anjuran MACMA Terengganu). Pengalaman turut serta dalam sambutan hari kebesaran Islam yang diikuti oleh pengkaji pula ialah majlis berbuka puasa bersama-sama pada 25 Julai 2012 (anjuran MAIDAM), sambutan Hari Raya Idil Adha pada 29 Oktober 2012 (anjuran MAIDAM) dan sambutan Assyura pada 4 Disember 2012 (anjuran Persatuan Darul Fitrah). Selain daripada itu, kaedah pengamatan juga dijalankan semasa aktiviti dijalankan dan semasa kelas-kelas bimbingan dilakukan. Antaranya pada 27 Oktober 2012 pengkaji mengikuti bersama Saudara Baru Cina kelas agama bagi memahami pengalaman interaksi masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat lain.

Bagi memudahkan penglibatan dalam program yang berkaitan komuniti Cina Muslim ini, pengkaji telah melibatkan diri sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu. Dalam kata lain, pemerhatian melalui pengalaman turut serta mampu melahirkan rasa kebersamaan dan membantu pengkaji memperoleh maklumat yang lebih.

Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian



Berdasarkan kerangka konsep yang dibina oleh pengkaji sendiri dapat dijelaskan bahawa wujud tiga aspek yang menentukan hala tuju pembudayaan dialog kehidupan dalam kalangan masyarakat Cina pada sebelum dan selepas konversi agama Islam. Tiga pemboleh ubah tersebut ialah tahap kefahaman terhadap dialog masyarakat Cina sama ada rendah, sederhana atau tinggi. Pemboleh ubah penglibatan sebelum konversi meliputi pengalaman sosiolisasi dengan masyarakat Muslim seperti pergaulan, pendidikan, dorongan ahli keluarga yang telah Muslim. Manakala pemboleh ubah penglibatan selepas konversi amat berkait dengan faktor keluarga sama ada menerima dengan baik atau sebaliknya manakala ciri-ciri luaran pula merujuk kepada ciri-ciri seperti sifat komuniti setempat, tahap sosial ekonomi dan lokasi tempat tinggal. Pemboleh ubah cabaran meliputi aspek-aspek bahasa, dipulaukan oleh masyarakat Melayu atau Cina asal, konflik budaya, diskriminasi dan dipandang rendah, sokongan dan kesukaran menyesuaikan diri dalam suasana kehidupan yang baru. Kefahaman, penglibatan dan cabaran akan mempengaruhi sejauh mana pembudayaan dialog

kehidupan dalam masyarakat Cina sebelum dan selepas memeluk Islam. Budaya dialog kehidupan meliputi aspek-aspek sehari-hari yang berlaku dalam masyarakat Cina dan Melayu seperti gotong royong, sambutan perayaan bersama, kenduri, menghadiri majlis perkahwinan dan hari jadi, menziarahi orang sakit dan kematian dan melibatkan diri dalam jawatankuasa yang terdiri dari pelbagai etnik. Antara bahan dasar yang menjadi landasan dalam membincangkan aspek ini ialah buku Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama<sup>88</sup> yang membincangkan beberapa perspektif berkaitan hubungan antara agama.

### **1.7.8 Susunan Penulisan**

Bab 1 - Latar belakang kajian meliputi pendahuluan, penyataan masalah, permasalahan kajian, objektif, kepentingan kajian, skop kajian, kajian literatur dan metodologi kajian.

Bab 2 - Konsep Dialog kehidupan dan konversi agama – bab ini akan membincarkan konsep dan model dialog kehidupan, kepentingan dialog kehidupan di Malaysia, elemen dialog kehidupan pada zaman Rasulullah, perkaitan dialog kehidupan dengan toleransi dan konsep *hikmah, mau’izah dan mujādalah* dalam dialog kehidupan . Seterusnya perbincangan juga akan menyentuh tentang konsep konversi agama, konversi agama dari perspektif Islam dan hubung kait antara dialog kehidupan dengan konversi agama.

Bab 3 – Aplikasi Dialog Kehidupan Komuniti Cina Muslim sebelum konversi agama. Dalam bab ini antara perkara yang akan dibincangkan ialah latar belakang

---

<sup>88</sup> Wan Suhaimi Wan Abdullah & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007).

masyarakat Cina di Terengganu, sejarah dan penempatan masyarakat Cina, budaya hidup, sosio ekonomi dan agama komuniti Cina Terengganu. Selanjutnya dikelaskan hubungan antara agama komuniti Cina di negeri Terengganu, dialog kehidupan pra konversi dan bentuk dialog kehidupan yang berlaku, konversi agama dalam konteks negeri Terengganu, pengalaman konversi agama di Malaysia dan faktor yang mendorong berlakunya konversi agama di negeri Terengganu.

Bab 4 – Aplikasi Dialog Kehidupan Komuniti Cina selepas konversi agama – Bab ini akan membicarakan tentang latar belakang masyarakat Cina Muslim Di Terengganu, fenomena konversi agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina Terengganu, hubungan intra etnik, dialog kehidupan intra etnik dan inter etnik. Selain itu, turut disentuh peranan badan-badan dakwah dan NGO dalam dialog kehidupan di negeri Terengganu, dialog kehidupan bertoleransi, dialog kehidupan berhikmah dan; dialog kehidupan mengikut syariat dan akhlak Islam.

Bab 5 - Persepsi responden terhadap dialog kehidupan – Dalam bab ini analisis terhadap dapatan kajian soal selidik yang menyentuh persepsi responden terhadap aspek-aspek dialog kehidupan. Antaranya yang menyentuh tentang latar belakang responden, pengetahuan dan sikap responden terhadap dialog kehidupan, aplikasi responden dalam dialog kehidupan sebelum selepas konversi agama Islam, faktor penglibatan dan cabaran yang dihadapi oleh responden ketika melaksanakan dialog kehidupan.

Bab 6- Bab ini merupakan rumusan terhadap kajian yang dilakukan berdasarkan objektif kajian yang dijalankan dengan beberapa cadangan dikemukakan.